

BAJET 2018 : RM2.2 BILION UNTUK PERUMAHAN RAKYAT

By watan on October 27, 2017 · No Comment



Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion bagi merencanakan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, jumlah itu melibatkan pembinaan 17,300 unit rumah Projek Perumahan Rakyat, 3,000 unit rumah program Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta 210,000 unit rumah di bawah program Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang berharga RM250,000 ke bawah dengan memperuntukkan RM1.5 bilion bagi tempoh dua tahun.

Kata beliau, 25,000 unit rumah akan disiapkan pada tahun hadapan di bawah projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan 128,000 unit lagi di bawah pelbagai peringkat pelaksanaan selain 600 unit rumah di bawah program My

Beautiful New Homes atau MyBNHomes untuk isi rumah B40 antaranya di Terengganu, Pahang, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan kawasan orang asli.

“2,000 unit rumah di bawah program MyDeposit untuk membantu pembayaran deposit dan program MyHomes untuk pemaju menyediakan lebih banyak rumah mampu milik dan RM200 juta untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah termasuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia,” katanya ketika membentangkan Bajet 2018 di Dewan Rakyat, pada Jumaat.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, bagi menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah mampu milik, skim ‘step-up financing’ yang diperkenalkan oleh PR1MA dipanjangkan kepada pemaju perumahan swasta, berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan.

Berkaitan rumah terbengkalai pula, menurut beliau, ia dicadangkan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai berkuatkuasa 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020.

“Bagi tujuan menggalakkan pasaran sewaan rumah kediaman pula, buat kali pertama dalam tempoh 60 tahun, kerajaan mengumumkan pengecualian cukai ke atas pendapatan sewaan rumah kediaman sebanyak 50 peratus bagi pendapatan sewa sehingga RM2,000 ringgit sebulan kepada individu rakyat Malaysia yang bermastautin di negara ini.

“Pengecualian ini diberi bermula dari tahun taksiran 2018 hingga 2020. Kerajaan juga akan menggubal Akta Sewaan Rumah Kediaman untuk melindungi penyewa dan pemilik rumah,” katanya.

Wartawan Watan-Online